

**P**ELAJAR Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohamad Husaini Mahmud, 22, akan mewakili negara ke Pertandingan Tilawah al-Quran Pelajar-Pelajar Islam Antarabangsa Kali-5 di Milad Tower, Tehran, Iran pada Januari depan.

Mohamad Husaini yang merupakan pelajar tahun akhir Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) berkata, sebagai persediaan ke pertandingan ini beliau telah dibimbing oleh pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) USIM, Ustaz Anuar Hasin yang juga merupakan Johan Pertandingan Tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan 2013 dan Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Asean 2014 serta juara Program Akademi al-Quran Musim Kedua.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, USIM serta Ustaz Anuar Musa di atas pemilihan saya untuk mewakili Malaysia. Saya amat bersyukur dan adalah sesuatu yang tidak sangka dan pastinya saya akan berusaha dengan terbaik," katanya selepas majlis amanat ringkas bersama Naib Canselor USIM, Prof, Datuk Dr. Musa Ahmad di kampus itu di Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Sementara itu, Mohamad Husaini berkata, dengan menjadikan bacaan al-Quran sebagai halwa telinga dan santapan jiwa setiap hari adalah antara rahsia kejayaannya itu.

Katanya, setiap hari selepas solat, beliau akan membaca al-Quran secara taranum bagi memastikan bacaannya sentiasa lancar.

"Untuk lancar kita perlu membaca al-Quran setiap hari dan saya selalu mengamalkan membaca al-Quran selepas solat kerana aktiviti itu sudah menjadi rutin hidup," katanya.

Pencapaian cemerlang Mohamad Husaini dalam beberapa pertandingan tilawah Al-Quran di dalam negara pada tahun ini antaranya Johan



**Saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, USIM serta Ustaz Anuar Musa di atas pemilihan saya untuk mewakili Malaysia. Saya amat bersyukur dan adalah sesuatu yang tidak sangka dan pastinya saya akan berusaha dengan terbaik."**



**DR. MUSA AHMAD (dua dari kiri) mendengar penerangan daripada Ustaz Anuar mengenai persiapan Mohamad Husaini (tengah) dalam mewakili negara ke pertandingan tilawah di Iran.**

# Mohamad Husaini wakili negara

## Menyertai Pertandingan Tilawah al-Quran Pelajar-Pelajar Islam Antarabangsa Kali-5 di Milad Tower, Tehran, Iran



**MOHAMAD HUSAINI MAHMUD (tengah) bersama rakan-rakannya yang memberi sokongan padu atas kejayaannya mewakili negara ke Pertandingan Tilawah al-Quran Pelajar-Pelajar Islam Antarabangsa Kali-5 di Milad Tower, Tehran, Iran Januari depan.**

Pertandingan Tilawah al-Quran Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Johan Pertandingan Tilawah al-Quran Amal

Islami, Putrajaya dan Naib Johan Pertandingan Tilawah al-Quran peringkat Negeri Sembilan menjadi sandaran

meyakinkan untuk membawa cabaran negara nanti.

Pertandingan anjuran Iranian Academics Quranic Activities Organization ini melibatkan peserta berusia 25 tahun ke bawah dari 50 negara antaranya Azerbaijan, Bosnia, Mesir, Syria dan Amerika Syarikat mengadakan jemputan kepada Malaysia melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Pertandingan yang memilih beberapa bandar utama di Iran seperti Isfhan, Tehran, Mashhad dan Tabriz untuk empat edisi sebelum ini sebagai tuan rumah dianjurkan bertujuan untuk memperkasakan perpaduan Islam dan mempromosikan keindahan ayat suci al-Quran dan menjadi platform perkongsian budaya dan interaksi dikalangan peserta yang terlibat.

Antara pengisian tambahan sempena pertandingan ini adalah penganjuran dua seminar berkaitan kemuliaan dan mukjizat al-Quran oleh penganjur.